

Submission date: 28/07/2020

Accepted date: 01/09/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.308

**PENDEKATAN AHLI SUNNAH WAL-JAMAAH
HJ MOHD YASIN B MUHAMMAD DALAM PENDIDIKAN MASYARAKAT
ISLAM DI NEGERI JOHOR**

*The Approach of Ahli Sunnah Wal-Jamaah by Hj Mohd Yasin B Muhammad in
the Education of Society in the State of Johor*

Muhammad Khairi Mahyuddin¹, Zulkiple Abd Ghani², Mohd Yahya Mohamed
Ariffin³, Sapora Sipon⁴ & Ahmad Najaa' Mokhtar⁵

Universiti Sains Islam Malaysia

¹muhdkhairi@usim.edu.my (corresponding author)

²drzulkip@usim.edu.my

³mohdyma@usim.edu.my

⁴sapora@usim.edu.my

⁵najaa@usim.edu.my

Abstrak

Education is important in Islam. Ahli Sunnah wal-Jamaah is a moderated approach and acknowledged as a prominent school held by the majority Muslim in the Islamic world. Haji Mohd Yasin b. Muhammad is a Malay scholar figure in the state of Johor that had been discovered applying the approach of Ahli Sunnah wal-Jamaah in educating the Islamic society in the said state. This article uses the historical method in clarifying his approach, thought, and contribution in strengthening the education of religion of Islam toward Muslim society in the state of Johor. Based on his efforts, the finding shows that he adopted the education and the practice of the religion of Islam according to the school of Ahli Sunnah wal- Jamaah obviously from the reference of classical authorized books and his belief in preaching the teaching of Islam

Key word: Haji Mohd Yasin, Ahli Sunnah wal-Jamaah, education.

Abstrak

Pendidikan adalah bidang yang penting dalam agama Islam. Ahli Sunnah wal-Jamaah pula merupakan pendekatan sederhana dan diakui mazhab muktabar yang menjadi pegangan majoriti ummah di dunia Islam. Haji Mohd Yasin b Muhammad, seorang tokoh Ulama Melayu di negeri Johor telah dikesan mengaplikasikan pendekatan Ahli Sunnah wal-Jamaah dalam pendidikan masyarakat Islam di negeri tersebut. Penulisan ini menggunakan pendekatan sejarah dalam menjelaskan pendekatan, pemikiran dan sumbangannya dalam memperkukuhkan pendidikan agama Islam terhadap masyarakat Islam di Johor. Berdasarkan usahanya, didapati bahawa beliau telah menerapkan pendidikan dan amalan agama Islam berdasarkan mazhab ahli Sunnah wal- Jamaah dengan jelas melalui sumber kitab rujukan turath Islam muktabar dan pegangannya dalam menyebarkan ajaran Islam

Kata kunci: Haji Mohd Yasin, Ahli Sunnah wal-Jamaah, Pendidikan

RIWAYAT HIDUP DAN PEMIKIRAN HAJI MOHD YASSIN

Tuan Guru Haji Mohd Yasin b Muhammad (1899M-1938M) merupakan tokoh ulama Melayu yang byak jasanya kepada negeri Johor. Tuan Guru Haji Mohd Yassin mempunyai kelaurga yang besar. Beliau hidup dengan empat orang isteri iaitu Hajjah Maznah Binti Daud, Hajjah Khadijah Binti Kassim, Hajjah Sapiah Binti Abdullah, Hajjah Kintan Binti Ibrahim dan mempunyai 47 orang anak. Antara anaknya ialah Perdana Menteri ke lapan (8) , Malaysia Tan Sri Muhyiddin.

Antara guru yang banyak membentuk dan mencorakkan pemikiran Tuan Guru Haji Mohd Yassin ialah Haji Abu Bakar bin Haji Hassan al-Muari atau lebih dikenali sebagai Kadi Abu Bakar Alim (1877M-1938M). Beliau mempelajari daripada Haji Abu Bakar kitab kitab agama sperti Ihya Ulum al-din, Al-Hikam, Minhaj al- Abidin, Matan al-Jurumiah, al-Durr Thamin, Aqidah al-Najin, Minhaj al-Abidin dan Muniyyah al-Musalli (Musa 2015)

Selepas kewafatan Kadi Abu Bakar Alim pada tahun 1938M, Tuan Guru Haji Mohd Yassin berguru pula dengan seorang tokoh ulama sufi Melayu, iaitu Kiai Haji Fadhil Al-Bantani (1870M-1950M). Beliau merupakan ulama tersohor dan pengamal tareqat sufi di Muar dan pernah menjadi Mufti peribadi Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibn Sir Abu Bakar. Dalam amalan tareqat tasawuf, beliau adalah pengamal Tareqat Qadiriyyah wa Naqsyabandiyyah dan menitikberatkan amalan wirid khawajakan atau lebih dikenali sebagai khatam khawjakan. Kehebatan amalan wirid khawajakan ini telah digunakan oleh Kiai Haji Fadhil al-Banteni sebagai wasilah dan doa untuk menyelamatkan serta menenangkan Sultan Ibrahim dan kerajaan Johor daripada musibah semasa Perang Dunia kedua sekitar 1939 sehingga 1945 (Abd Latif, etl 2012). Kiai Haji Fadhil mempelajari tareqat Sufi ini daripada Sheikh Abdul Karim

al-Bantani (w.1897M/ 1314H) yang merupakan murid dan khalifah Sheikh Ahmad Khatib bin Abdul Ghaffar al-Sambasi (w.1872M / 1288H), pengasas awal gabungan tareqat Qadiriyyah wal Naqshabandiyyah semasa berada di Mekah dan di sebar luas di Indonesia dan Malaysia oleh para khalifahnyanya.

Selain itu, Haji Mohd Fadhil juga turut dikesan mempelajari tareqat Tijaniyyah yang diasaskan oleh Sidi Ahmad al-Tijani (w.1815M/ 1230H) semasa menuntut ilmu di Mekah. Namun begitu, guru beliau dalam tareqat al-Tijaniyyah tidak dapat dikesan. Kiai Haji Fadhil meninggal dunia pada tahun 1950 di Jalan Bakri, Muar dan jenazahnya dikebumikan di Lenga, Muar (*Utusan Malaysia*, 2004; Abd Latif, etl 2012).

Pemikiran Tuan Guru Haji Mohd Yassin dapat dikesan melalui pengaruh bacaan dan pengajaran daripada kitab-kitab yang dirujuki beliau. Tuan Guru Haji Mohd Yassin banyak menyimpangkan kitab-kitab agama dan buku-buku berbahasa Arab disurau tempat beliau mengajar secara rutin. Kitab-kitab yang disimpan di surau tersebut mengandungi ajaran-ajaran ilmu Islam yang tinggi serta memerlukan persediaan dan kefahaman aqliyyah yang tinggi juga (Musa Ahmad 2015).

PEMIKIRAN TAUHID

Dari segi tauhid, Tuan Guru Haji Mohd Yassin merupakan pengikut mazhab al-Asya'irah yang diasaskan oleh Abu Hassan Ali Bin Ismail al-Ash'ari (w 935M/ 324H). Hal ini diperkuatkan oleh pembacaan dan penyampaian ilmu dari kitab *al-Durr al-Thamin* karya al-Alim Allamah al-Arif ar-Rabbani Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris (w 1847M/ 1263H) (Musa 2015) . Kitab tersebut membicarakan ajaran tauhid berdasarkan manhaj al-Ash'ariyyah. Kitab ini mendapat perhatian para ilmuan dan masyarakat Melayu serta turut dijadikan rujukan di kebanyakan sekolah-sekolah pondok.

Kitab *al-Durr al-Thamin* menjadi teks pengajian utama Tuan Guru Haji Mohd Yassin mengajar tauhid kepada masyarakat. Setelah diamati maka didapati bahawa kitab tersebut dan subjek perbahasan sudah mencukupi untuk menanam pengetahuan dan keyakinan teguh didalam minda dan hati masyarakatnya. Manhaj dalam kitab tersebut adalah intergrasi antara aqli dan naqli serta penyulaman dengan amalan penyucian hati (*tazkiyyah al-nafs*)

Pendekatan aqli bersandarkan kepada hukum aqli yang disepakati oleh para ulama Islam iaitu wajib, harus dan mustahil. Hukum aqli ini juga diselaraskan dengan dalil muktabar daripada al-Quran, Sunnah dan tafsiran para ulama muktabar. Subjek perbahasan ilmu tauhid merangkum penerangan taklif mengenal Allah, konsep

tauhid kepadaNya, kesempurnaan sifat-sifat-Nya serta kefahaman tiada persamaan (*tanzih*) dan kesucian kemuliaan (*taqdis*). Konsep Nubuwwat juga merangkumi perbincangan keimanan kepada para Nabi, sifat-sifat Nabi, mukjizat dan lain-lain lagi. Konsep Sam’iyyat iaitu keimanan kepada alam ghaib seperti kebangkitan, alam mahshar, mizan, hisab, nikmat syurga, azab neraka, titian sirat, shafaat dan melihat Allah SWT.

Selain itu, turut dimuatkan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan iman seperti tertib kemuliaan para sahabat, ruh dan sebagainya. Turut disulami juga, pelajaran penyucian jiwa secara beriringan dengan tauhid. Penyucian hati turut ditekankan terhadap pembersihan diri daripada sifat *mazmumah* seperti riyak, ujub, takabur, hasad dan sebagainya adalah wajib kerana sifat-sifat tersebut menghidupkan hati kepada Allah serta merosakkan amalan. Manaqlia menghiasai hati dengan sifat mahmudah seperti ikhlas, benar dan lain lain dapat menzahirkan sifat kehambaan diri dan kemuliaan rububiyah Allah SWT.

Selaras dengan kepentingan penyucian hati, maka berapa amalan disarankan untuk diamalkan seperti perbanyakkan zikrullah, istighfar, mujahadah dalam amalan ketaatan serta selawat kepada junjungan Nabi SAW. Amalan amalan ini dapat menyucikan hati sehingga bersih untuk menerima kurniaan dan hidayah Ilahi. Hal ini kerana penyucian hati amat dititikberatkan kerana hati merupakan tempat letaknya tauhid, iman dan makrifat. Hati yang bersih mudah menerima iman dan keyakinan yang penuh tanpa sebarang syak, dapat beribadah dengan sempurna serta merasai kemanisan ibadat dan diterima Ibadah oleh Allah SWT. Kitab ini ditutup dengan ringkasan intipati asas akidah berteraskan Ahli Sunah Wal Jamaah. Hal ini disebut dengan jelas *fi aqidah wajizah jami’ah In sha’ Allah Ta’ala ‘ala Sabil al-Ikhtisar wahiya ‘Aqidah al-firqah al-Najiyah wa hum Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah wa al-Sawad al-A’dham min al-Muslimin*.

Pendekatan huraian Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris dalam *al-Durr al-Thamin* menggunakan manhaj Imam al-Ghazzali dalam *Ihya’ Ulum al-Din*. Menurut Imam al-Ghazzali, apabila seseorang itu telah mempelajari intipati akidah yang disaring daripada al-Quran dan Hadis, maka hendaklah menjalani mujahadah melalui pengamalan ibadah dengan bersungguh-sungguh untuk membersihkan hati sehingga hati menjadi bersih dan disinari dengan nur hidayah Allah SWT yang menghasilkan keyakinan yang kukuh (al-Ghazzali, 1996).

Kelebihan kitab *al-Durr al-Thamin* pula didapati bahawa kitab tersebut menghimpunkan intipati pendapat muktamad dalam mazhab Ahli Sunah wal Jamaah. Kitab tersebut menghimpunkan pendapat dan ulasan para ulama muktabar seperti Imam Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali (w 1111M/ 505H),

Shaykh Najm al-Din Umar al-Nasafi (w.1142M/536H), Shaykh Muhammad b Yusuf al-Tilimsani (w.1490M/895H), Shaykh Muhammad b Ali al-Suhaimi al-Misri (w 1765M/1178H), Syaikh Muhammad bin Ali al-Sanusi (w 1859M/1275H), Shaykh Ibrahim b Hasan al-Laqani (w. 1631M/1040H), Shaykh Muhammad b Umar al-Razi (w 1210M/606H), Muhammad b Abu Bakar (ibn al-Qayyim) (w1350M/750H) dan lain lain lagi.

PEMIKIRAN FIKAH

Dari segi amalan fiqh, Tuan Guru Haji Mohd Yassin mengamalkan mazhab al-Syafie dalam ibadah yang diasaskan oleh Muhammad bin Idris al-Syafie al-Quraishi al-Hasyimi (w 819M/ 204H). Hal ini jelas daripada rujukan kitab fekah dalam bahasa Arab seperti *Kitab Iqna' fi Hal al-Faz Abi Shuja'* yang dikarang oleh Sheikh Shamsuddin Muhammad b Muhammad Ahmad al-khatib al-Sharbini (w.1599M/ 977H). Kitab tersebut merupakan kitab fekah lengkap mazhab al-Shafi'i yang ditulis dalam bentuk matan dan syarahan serta dalil daripada al-Quran dan Sunnah secara tersusun. Selain itu, turut dikesan bahawa beliau juga mengajar kitab *Matla' al-Badrain wal Majma' al Bahrain* oleh al-'Allamah Syaikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani @ Syaikh Nik Mat Kecil (w 1914M/ 1333H) (Musa 2015)

Kitab *Matla' al-Badrain wal Majma' al Bahrain* ini juga adalah kitab yang mantap dengan perbincangan fekah yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi. Tuan Guru Mohd Yassin memberi penekanan kepada kitab ini kerana kandungan kitab ini lengkap dengan dengan keperluan ibadah harian masyarakat serta diringi dengan perbincangan tauhid secara ringkas sebelum membicarakan ilmu fekah. Perbincangan fekah dalam kitab tersebut dipenuhi dengan pendapat muktamad mazhab al-Shafie. Antara pendapat ulama yang menjadi sandaran kitab tersebut ialah Shaykh Ahmad bin Muhammad al-Haythami (w.1566M/974H), Shaykh Zakaria bin Muhammad al-Ansari (w.1520M/926H), Shaykh Muhammad b Ahmad al-Ramli (1596M/1004H), shaykh Ahmad b Umar al-Muzajjad (930H), Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi (w1277M/675H), Shaykh Muhammad b Ahmad al-Khatib al-Sharbini (w. 1599M/ 977H), Shaykh Muhammad Arshad b Abdullah al-Banjari (w1812M/1227H), dan lain lain lagi.

Dari segi pengajaran ilmu dan kewajipan solat sebagai tiang agama kepada masyarakat, beliau menggunakan kitab fekah terjemahan Melayu Jawi seperti Kitab *Muniyyah al-Musalli*, karya Syaikh Wan Daud bin Syaikh Wan Abdullah. Kitab tersebut membicarakan mengenai hakikat solat, syarat, rukun, sah, batal, adab zahir dan batin. Turut dibincangkan juga ialah permasalahan solat, isu imam dan makmum dan hukum meninggalkan solat. Selain itu, buku tersebut memuatkan unsur keruhanian seperti pengamalan doa-doa tertentu mengiringi solat untuk diamalkan

bagi memperkukuhkan tauhid dan penghayatan solat. Turut dibincangkan di akhir kitab tersebut ialah peranan, tanggungjawab dan nasihat terhadap raja sebagai pemerintah negara. Hal ini berkait rapat dengan kehidupan manusia yang memerlukan pemimpin yang baik dan adil dalam mentadbir negara dengan mengikut syariat dan menjaga kebajikan rakyat. Intipati perbincangan solat dikutip daripada pendapat-pendapat ulama Islam seperti Shaykh Ahmad bin Muhammad al-Haythami (w1566M/974H), Shaykh Muhammad b Ahmad al-Ramli (1596M/1004H) dan lain-lain lagi.

Sepanjang hayat Tuan Guru Haji Mohd Yassin, beliau amat menjaga hubungannya dengan Allah dan masyarakat. Salah satu kaedah memelihara perhubungan itu adalah dengan menjaga solat lima waktunya dan berjamaah dengan masyarakat. Ini kerana solat yang sempurna dapat membina perhubungan dan kebergantungan yang tinggi kepada Allah SWT.

PEMIKIRAN TASAWUF

Dalam ilmu dan amalan tasawuf, Tuan Guru Haji Mohd Yassin lebih banyak mengikut tarbiah, mujahadah dan riyadah berasaskan pengajaran Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali al-Tusi (w 1111M/ 505H). Imam al-Ghazzali merupakan tokoh Sufi yang digelar dengan pelbagai gelaran besar seperti Hujjah al-Islam kerana kehebatan dan kebenaran ilmu yang dibawanya dan dikitiraf di peringkat dunia Islam (Musa Ahmad, 2015).

Pemikiran Imam al-Ghazzali tidak lengkap difahami secara menyeluruh melainkan dengan pembacaan kitab *Magnum Opus* Imam al-Ghazzali iaitu *Ihya' Ulum al-Din*. Kitab ini merupakan kitab himpunan ilmu muamalah dan ilmu mukasyafah secara tidak terpisah. Kitab ini menghimpunkan akidah, syariah, dan tasawuf secara berpadu yang merangkumi huraian zahir dan batin. Ia juga disulami dengan hujah-hujah daripada al-Quran, Sunnah, pendapat sahabat dan Tabiin bagi memperkukuhkan ajaran beliau.

Kitab ini turut disyarahkan di dalam beberapa jilid oleh Muhammad Ibn Muhammad al-Murtadá al-Husayni al-Zabidi (w.1790M/ 1205H). Syarahan kitab *Ihya' Ulum al-Din*, Imam al-Zubaidi menamakan kitabnya dengan tajuk *Ittihaf Sadati Muttaqin bi syarh Ihya Ulum al-Din*. Imam al-Zabaidi juga mensyarahkan dan memperkukuhkan perbincangan ajaran tasawuf *Ihya' Ulum al-Din* dengan mengutip pandangan para ulama Sufi lain seperti Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Arabi al-Hatimi (w.1250M/638h), Shahab al-Din Abu Hafis Umar Suhrawardi (w. 1234/631H) dan lain lain. Selain itu, Imam al-Zabidi turut mentahkikkan dan memperkuat hadis- hadis dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din* dari pelbagai sumber

dan riwayat hadis seperti Muhammad ibn Ismail al-Bukhari (w 870M/256H), Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysabur (w.875m/261H) dan lain lain lagi

Bukan sahaja dalam aspek pemikiran, Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga terpengaruh dengan manhaj keilmuan Islam yang dibawa oleh Imam al-Ghazzali. Di dalam penyampaian ilmunya kepada masyarakat, beliau menyandarkan setiap fakta kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis dan pendapat ulama-ulama muftakar. Pengaruh pemikiran dan keperibadian Imam al-Ghazzali membekas di dalam jiwa Tuan Guru Haji Mohd Yassin. Ketika berhujah dan membahaskan sesuatu perkara, Tuan Guru Haji Mohd Yassin sering menaqqalkan pendapat Imam al-Ghazzali dengan menyebut gelarannya *Hujjah al-Islam* sebagai tanda adab dan penghormatan kepada Imam al-Ghazzali serta kekuatan pendapatannya .

Jika Tuan Guru Haji Mohd Yassin mengupas hal-hal keagamaan, khasnya perkara ketauhidan Allah maka kitab *Ihya' Ulum al-Din* menjadi rujukan beliau kerana ia membahaskan aspek ketuhanan dan hubungan kehambaan dengan sangat terperinci berdasarkan kepada penyucian hati dan mempunyai intergrasi ilmu akidah dan tasawuf secara bersepadu. Pada waktu itu, tidak ramai ahli agama yang mempunyai kebolehan mengupas ilmu mengenai Allah SWT. Ini kerana Ilmu tauhid merupakan ilmu tertinggi dan memerlukan kefasihan dan kefahaman yang mendalam. Maka ramailah anak murid Tuan Guru Haji Mohd Yassin yang datang ke surau dan madrasahnyanya untuk mendengar ilmu tauhid yang diuslam dengan ilmu tassawuf (Musa Ahmad, 2015)

Di antara kitab tasawuf lain dalam bahasa Arab yang menjadi tujukan Tuan Guru Haji Mohd Yassin ialah kitab *Minhaj al-Abidin ila Jannah Rabb al-Alamin* oleh Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali. Kitab ini menghuraikan kaedah beribadah dan mujahadah untuk mendapat makrifat Allah SWT. Keunggulan kitab ini dilihat melalui penerimaan para ulama dan syarahan mereka seperti kitab *Siraj al-Talibin* yang dikarang oleh Syeikh Ihsan Muhammad Dahlan Al-Jampesi Kediri (w 1952M/ 1371H) dan terjemahan dalam Bahasa Melayu oleh Daud bin Abdullah al-Fatani.

Selain itu, Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga sering merujuk ajaran Imam al-Ghazzali yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu Jawi seperti kitab *Hidayah al-Salikin* yang dikarang oleh Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani (w 1789 M/ 1203 H) (Musa Ahmad, 2015). Kitab tersebut merupakan terjemahan daripada kitab *Bidayah al-Hidayah* dan ringkasan daripada kitab *Ihya' Ulum al-Din* karya Imam al-Ghazzali. Namun demikian, kitab Hidayat al- Salikin juga turut dimuatkan dengan ajaran sufi lain seperti Syeikh Abdul Qadir al-Jailani (w 1166M/ 561H) dari

kitabnya *al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haq* dan lain-lain lagi. Fokus pengajaran dan ilmu yang dibahas di dalam kitab ini dijadikan sebagai asas dalam menyampaikan dakwah, khususnya dalam memperincikan kepentingan ilmu Fardhu Ain dalam membentuk keperibadian masyarakat untuk lebih memaknakan kehidupan serta sebagai wadah dalam mengenal pencipta.

Pembelajaran kitab *Hidayah al-Salikin* amat ditekankan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin kerana kitab ini membantu dalam menyuburkan pemahaman mengenai konsep Ibadah, pembentukan adab dan akhlak masyarakat yang pada masa itu kurang pendedahan kepada ilmu agama. Ilmu yang disampaikan dari kitab masyhur ini sedikit sebanyak membuka mata hati masyarakat setempat, khasnya penduduk Muar yang berguru dengan Tuan Guru Haji Mohd Yassin. Ramai di antara mereka mula mempelajari tentang kepentingan menyucikan dan memurnikan jiwa serta aqli fikiran agar lebih terbimbing dari maksiat zahir atau batin.

Pengaruh pemikiran dan pendekatan tarbiah tasawuf Imam al-Ghazzali dilihat begitu jelas terhadap Tuan Guru Mohd Yassin. Pemilihan beliau menggunakan manhaj tarbiah Imam al-Ghazzali adalah selamat dan berimbang dengan aspek hakikat dan syariat serta Sunnah Nabi SAW. Ramai para ulama tasawuf muktabar mengiktiraf manhaj Imam al-Ghazzali didalam penyucian jiwa untuk makrifat Allah SWT dan menghasilkan akhlak mulia.

Dalam kalangan tokoh-tokoh yang mengiktiraf kelebihan manhaj Imam al-Ghazzali dan buku-bukunya ialah Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi (w.1277M/675H), Shaykh Abdul Samad al-Falimbani (w 1789 M/ 1203 H), Abdullah Muhammad b Ali Ba’lawi al-Hadrami (w.1232/653H), Sayyid Abdullah bi Alwi al-Haddad (w1720M/1132H), Shakh Abu al-Hasan ‘Ali ibn ‘Abd Allah al-Shazili (W 1258 M/656 H), Muhammad Ibn Muhammad al-Murtadá al-Husayni al-Zabidi (w 1790M/ 1205H), Muhammad ibn ‘Ali ibn ‘Arabi al-Hatimi (w1240M/638H) dan Sayyid Abdullah bin Abu Bakar al-Idrus (w. 1272M/671H)

Sayyid Abdullah b Abu Bakar al-Idrus mengatakan bahawa para ulama arif billah telah bersepakat bahawa tiada amalan yang terlebih baik bagi penyucian hati dan paling dekat mencapai keridaan Allah SWT melainkan mengikut manhaj Imam al-Ghazzali dan kasih kepada kitab-kitabnya. Sesungguhnya semua kitab Imam al-Ghazzali mengandungi penjelasan intipati al-Quran dan hadis Nabi SAW. Beliau menjelaskan lagi bahawa kitab *Ihya’ Ulum al-Din* menerangkan pelbagai rahsia syariat, kitab *Bidayah al-Hidayah* membimbing ke arah taqwa, kitab *al-Arba’in fi Usul al-Din* memimpin ke jalan yang lurus dalam akidah dan *Minhaj al-Abidin* mengajar cara beribadah kepada Allah dan kitab *al-khulasah* dalam ilmu fekah didalamnya ada cahaya sebagai pencerahan beribadah (Abdul Samad . t.t).

Selain dari kitab-kitab Imam al-Ghazzali, Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga merujuk kitab-kitab tasawuf yang lain seperti kitab *al-Hikam* karya Syeikh Ahmad Ibnu Muhammad Ibn Ibu Ata'illah al-Sakandari (w.1309M/ 708H). Kitab *Hikam* merupakan kitab tauhid mengikut manhaj Sufi bertaraf tinggi yang mengandungi mutiara kata hikmah Sufi, syariat, tareqat, hakikat dan makrifat Allah SWT yang sangat halus maknanya. Ajaran dalam kitab *al-Hikam* ditulis secara ringkas daripada pengalaman Sufi dan ilham Shekih Ibn Atalillah dalam bentuk kiasan, analogi, metapora dan simpulan bahasa yang halus bersumber daripada al-Quran dan hadis Nabi SAW. Taj al-Din Abu'l Fadl Ahmad ibn Muhammad ibn 'Abd al-Karim ibn Ata Allah al-Iskandari al-Shazili (w 1309M/ 708H) adalah pengamal tariqat Shazillyah yang diasaskan oleh Abu al-Hasan 'Ali ibn 'Abd Allah ibn 'Abd al-Jabbar al-Hasani wa al-Husayni ash-Shazili (W 1258 M/656 H).

Kitab ini diterima sebagai kitab muktabar sehingga disyarahkan dengan beberapa versi syarah seperti *Ghayth al-Mawahib al-aliyyah bi Sharh al-Hikam al-Atai Illah* oleh Abu 'abd Allah Muhammad Ibn Abi Ishaq Ibrahim al--Nafzi al-Himyari al-Rundi (w 1390M/ 792H), *Sharh al-Hikam* oleh Shihab al-Din al Ramli (w 1440M/ 843H), *Iqaz al-Himam fi Syarh Hikam* oleh Ahmad Ibn Ajibah (w. 1809M/ 1223H), *al-Futuhah al-Rahmaniyyah* oleh Ahmad ibn Ahmad Zarruq (w 1493M/ 898H). Selain itu, Kitab *al-Hikam* juga diterjemahkan dalam bahasa Melayu tulisan Jawi seperti syarah Hikam Tok Pulau Manis oleh Sheikh Abdul Malik b Abdullah atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Pulau Manis (w. 1736M/ 1148H).

Dalam penyebaran dakwah, beliau menjadikan surau sebagai tempat yang strategik untuk menyampaikan ilmu dan membentuk keperibadian dan akhlak masyarakat. Maka, untuk memberi kefahaman ilmu Tauhid dan ilmu agama yang lain, Tuan Guru Haji Mohd Yassin percaya dengan mendirikan madrasah dan menyampaikan ilmu tersebut di surau dan masjid dapat membantu masyarakatnya untuk mendapatkan kefahaman dan meningkatkan kepercayaan kepada Allah dan agama Islam. Beliau amat memahami pedagogi dan hal ehwal masyarakat. Hal ini dibuktikan melalui kaedah penyampaian yang sering dipraktikkan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin adalah unik. Beliau lebih gemar menyampaikan dua hingga tiga baris ayat dari kitab yang digunakan dan kemudiannya diolah dan diterangkan dengan terperinci dengan suara yang kuat dan tegas. Matlamatnya adalah agar ilmu yang disampaikan terkesan di hati dan dapat difahami serta diamalkan bagi sesiapa yang mendengarnya (Musa Ahmad, 2015) .

Pendekatan Tuan Guru Haji Mohd Yassin mengajar adalah pelbagai. Beliau tidak hanya mengajar di surau sebagai satu tempat pembelajaran sahaja tetapi beliau

memberi ruang pelbagai lapisan masyarakat mendekatinya untuk belajar. Ada sebahagian anak muridnya datang terus ke rumahnya untuk belajar dengan membawa kitab dan bertanya masalah berkaitan agama. Beliau melayan anak-anak murid yang datang dengan layanan mesra dan mengupas isu dengan penuh yakin sehingga anak-anak muridnya merasa senang hati. Dengan cara tersebut, hubungan guru dan murid menjadi semakin rapat dan wujudnya keberkatan ilmu kerana ilmu itu dicari dengan susah payah seperti kata pepatah arab ilmu itu dicari bukan datang sendiri (*al-‘ilm yu’ta wala yu’ti*). Bahkan, apabila Tuan Guru Haji Mohd Yassin mengkhatamkan kitab pengajarannya kepada masyarakat, maka dia pun mengijazahkan dengan lisannya dengan ungkapan, “aku ijazahkan kamu”. Ini adalah tradisi ilmuan Islam sebelumnya yang menunjukkan ikatan keimuan antara guru dan muridnya (Musa Ahmad, 2015)

Ilmu dan amal tidak akan sempurna melainkan hati perlu dibersihkan. Konsep ini diguna pakai oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin yang menitikberatkan pendekatan *tazkiyyah al-nafs* sebagai asas pengajaran dan penanaman tauhid yang diiringi dengan ilmu dan amal yang benar. Hal ini selari dengan kaedah yang digunakan oleh para ulama Sufi iaitu ilmu, amal dan makrifat kerana amal ibadah tanpa ilmu dan *ma’rifat* adalah sia-sia. Imam al-Ghazzali menyatakan, bermula dari ilmulah manusia mengenal Allah sebagai Tuhannya dan mendorong kepada rasa yakin secara fitrah kewujudan Allah. Keyakinan pula mendorong rasa kesedaran dalam diri seseorang untuk beramal beribadah dengan cara yang betul, bersungguh-sungguh dan cuba menjauhi segala larangan yang dimurkai Allah dengan hati yang ikhlas.

Mendalami tiga kunci utama ini sudah cukup menyedarkan Tuan Guru Haji Mohd Yassin kepentingan ilmu agama dan ilmu pengetahuan. Tasawuf aliran Imam al-Ghazzali ini menyerap kuat di dalam pembawakan dan pemikiran beliau. Tuan Guru Haji Mohd mengaplikasikan pendekatan Imam al-Ghazzali yang dilihat mampu menyelesaikan masalah krisis keruhanian serta membangunkannya dalam acuan syariat Islam dan memperbaharui pemikiran masyarakat Melayu yang jumud. Aspek pemurnian diri dan jiwa sebenarnya sudah ditegaskan pada zaman Rasulullah S.A.W. yang bertujuan agar masyarakat jelas dengan perkara halal dan haram, dan meninggalkan perkara yang meragukan agar dapat memelihara agama dan sahsiah diri. Perkara ini diceritakan oleh Nu’man Bin Basyir ketika dia mendengar Nabi Muhammad bersabda:

“Ketahuilah, di dalam tubuh itu ada segumpal daging. Apabila baik daging itu maka baiklah pula tubuh itu. Akan tetapi apabila rosak daging tersebut, maka binasa lah seluruh tubuh tersebut. Maka ketahuilah, bahawasanya daging itu adalah hati (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari)

Ini dapat menjelaskan betapa pentingnya pemurniaan dan penjagaan hati kerana dari situlah menjadi punca bermula setiap suatu yang turut ditekankan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin melalui pendekatan pembersihan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*).

Selain daripada itu, pengutamaan Bahasa Arab sebagai sumber memahami pengajaran Islam dapat dilihat dalam usaha beliau ketika membaca kitab arab. Tanpa bahasa Arab, ilmu Islam tidak dapat difahami secara sebenar. Hasil daripada pembacaan kitab-kitab arab, didapati bahawa Tuan Guru Haji Mohd Yassin memperkukuhkan penguasaan bahasa Arab melalui pendekatan Iqtibas iaitu beliau melihat penggunaan bahasa Arab berdasarkan penulisan susunan oleh ulama-ulama terdahulu yang memang terkenal dengan penguasaan bahasa Arab. Hal ini kerana Bahasa Arab merupakan sumber asal ilmu Islam yang diambil dari al-Quran dan Sunnah. Penguasaan bahasa Arab dapat memberi kefahaman yang sebenar mengenai suruhan dan tegahan Allah SWT seperti yang diperakui oleh majoriti ulama Ahli Sunah wal Jamaah. Pendidikan yang dianjurkan oleh Islam bukanlah sekadar menekankan pencarian ilmu tetapi wajiblah diikuti dengan penghayatan dan amalan yang sebenar degan hati yang ikhlas.

PEMURNIAAN FIKIRAN DAN JIWA MELALUI AMALAN IBADAH

Setiap manusia dipertanggungjawabkan terhadap perkara yang dilakukan, maka Tuan guru Haji Mohd Yassin mengambil pendekatan kehidupan di dunia ini sebagai *Mazra'ah*, iaitu tempat bercucuk tanam. Ia adalah persinggahan dan tempat mengumpul bekalan yang bermanfaat bagi hari akhirat kelak. Selain mendalami dan menjiwai kitab-kitab masyhur dan terkenal, Haji Mohd Yassin juga sering mengamalkan pelbagai doa, zikir dan selawat untuk membersihkan jiwa dan sebagai rutin yang biasa dilakukan untuk mencukupkan amalan hariannya. Beliau juga mengambil jalan Rasulullah SAW, para sahabat dan para tabiin dengan mengamalkan amalan uzlah dengan menyediri di tempat sunyi untuk beribadah, bertafakur dan bermunajat untuk memperkukuhkan hubungan keruhaniannya dengan Allah SWT (Musa Ahmad, 2015).

Tuan Guru Haji Mohd Yassin kuat beramal dengan amalan selawat al-Fatih seperti yang dipesan oleh gurunya Kiai Haji Fadhil Al Bantani (w 1950H/ 1369H). Amalan al-Fatih sebenarnya banyak diamalkan oleh pengamal tareqat al-Tijaniyyah. Selawat al-Fatih juga sering diamalkan dalam amalan harian Tuan Guru Haji Mohd Yassin terutamanya sebelum beliau menyampaikan ilmu agama dan sebelum menyampaikan ucapan di majlis-majlis rasmi. Fadilat selawat ini dikatakan dapat memudahkan dan melancarkan tutur kata disamping memohon kepada Allah agar dipelihara lidah dari gangguan dan kesilapan bicara. Tuan Guru Haji Mohd Yassin

turut menggalakkan ahli keluarganya supaya tidak lupa dan leka dengan kehidupan seharian dan menyarankan agar mereka mengamalkan bacaan wirid al-Fatih tidak kurang dari 10 kali bagi setiap kali solat fardhu. Nasihat ini turut dinukilkan di dalam syair yang ditulis sendiri oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin dan diijazahkan kepada anak-anak muridnya dan orang awam.

Kelebihan solat al-fatih ini turut diakui oleh para ulama Islam seperti Shaykh Yusuf bin Ismail al-Nubhani (w.1931M/1350H). Beliau mengarang kitab *afdal al-salawat ‘ala sayyid al-sadat*. Kitab tersebut menghuraikan kelebihan beberapa jenis selawat yang diamalkan oleh para ahli tasawuf untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mencapai makrifat melalui keberkatan amalan selawat. Beliau menaqqalkan kelebihan selawat tersebut daripada beberapa mashaikh seperti Shaykh Muhammad al-Bakri (w1545M/951H). Antara kelebihan selawat *al-fatih* ialah barangsiapa membacanya sekali seumur hidup, tidak akan masuk neraka. Barangsiapa berkekal membacanya selama 40 hari, maka Allah mengampuni segala dosanya. Barang siapa membacanya secara istiqamah sebanyak 1000 setiap hari, maka terbuka baginya hijab, terhasil baginya nur dan dipenuhi hajatnya dengan kurnian Allah SWT dan tiada yang mengetahui kadar kurniaannya melainkan Allah SWT (al-Nabhani,t,t).

Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga mengingatkan ahli keluarga dan anak-anak muridnya supaya istiqamah dan berterusan dalam menghadihkan selawat buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW sebagai tanda mengakui kerasulan Nabi Muhammad serta sebagai aktiviti agar Allah mengurniakan keutamaan dan kemuliaan ke atas Baginda Muhammad SAW. Selawat adalah amalan yang mulia dan dari segi bahasa bermaksud doa, rahmat Allah, memberi keberkatan dan ibadah (al-Nabhani, t,t). Justeru itu, Tuan Guru Haji Mohd Yassin menyarankan agar sekurang-kurangnya 10 kali selawat untuk diamalkan setiap hari. Jika ada hajat dan permintaan yang ingin ditunaikan, beliau menasihatkan agar seseorang itu mengamalkan zikir *Ya Latif* sebanyak 1000 kali pagi dan petang dan apabila selesai, teruslah berdoa memohon akan hajat tersebut kepada Allah(Abd Latif, etl 2012)

Selawat *al-Fatih* digabungkan amalannya dengan wirid khawajakan yang diamalkan secara secara rutin dalam Tareqat Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah. Wirid Khawajakan sering diamalkan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin sejurus selepas selesai ibadah Isya, sepertiga malam hinggalah menjelang azan subuh. Beliau mendapati banyak fadilat yang dianugerahi Allah, di antaranya dimudahkan kehidupan dan diberi rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangka.

Berdasarkan tatacara dan istiqamah Tuan guru Haji Mohd Yassin dalam ibadah kepada Allah SWT melalui pendekatan ahli Sufi, maka, kekuatan keimanan,

keruhanian dan makrifatnya amat terserlah pada amalan tawakkalnya yang tinggi kepada Allah. Beliau mampu menyara empat isterinya dan anak-anaknya yang ramai pendapat yang tidak seberapa berbanding dengan tanggungjawab yang dipikulnya. Dalam pengajaran ilmu di surau, beliau mengajar dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas kepada Allah. Ini bukanlah bererti beliau menolak secara mutlak sebarang pemberian dan sumbangan yang di berikan kepadanya oleh masyarakat atau anak muridnya, tetapi beliau tidak menjadikan tujuan utama mengajar untuk meraih keuntungan dan kekayaan dunia. Banyak pertolongan Allah diberikan kepada beliau ketika keadaan sangat mendesak dan memerlukan. Hal ini disebabkan oleh kemantapan iman dan tauhid kepada Allah SWT.

Beliau dilihat memahami konsep usaha, sebab dan tajrid. Walaupun rezeki adalah ketentuan Allah SWT tetapi rezeki tidak datang bergolek dan pipih datang melayang tanpa usaha dan sebab. Hakikat usaha mencari rezeki itu adalah dituntut dalam syariat dan hadis Nabi SAW tetapi sifat bergantung kepada usaha dan sebab di dalam hati adalah dilarang oleh syariat dan hadis Nabi SAW. Contoh sakit dan konsep berubat sebagai mangambil sebab. Sharak menyuruh berusaha berubat untuk sembuh tetapi dilarang didalam hati bergantung kepada sebab sebagai penyembuh mutlak menyembuhkan penyakit tetapi penyembuhan hakiki adalah datang dari kurniaan Allah SWT sebagai *al-shafi* (penyembuh). Inilah konsep tawakal sebenar yang berorientasikan tauhid dan syariah.

Hal ini dikesan daripada pengajaran kitab tasawuf *al-Hikam* oleh Ahmad ibn Muhammad (w. 1310M/709M) atau lebih dikenali dengan ibn Ata Allah al-Sakandari al-Shazili. Beliau pernah berkata, “sebahagian daripada tanda bersandar kepada amal (perbuatan zahir) adalah berkurangan harapannya (di dalam hati) tatkala berlaku padanya kesalahan” (al-Ajibah ,t.t). Kata ibn Atalilah ini menunjukkan bahawa seorang hamba itu mestilah mempunyai keyakinan yang teguh kepada Allah SWT walaupun amalannya taatnya sedikit. Permintaan dan keyakinan hati yang teguh dimakbulkan Allah walaupun seorang hamba itu mempunyai sedikit amal ketaatannya dan banyak kesalahannya. Hal ini kerana Allah SWT Maha Kaya, kekayaan kurniaanNya tidak berkurangan sedikit walaupun manusia tidak taat kepadaNya dan tidak terjejas juga kekayaan kurniaanNya walaupun manusia taat kepadaNya dari aspek dalam memberi ganjaran.

Selain itu, ketakwaan dan keyakinan teguh kepada janji Allah menjadi kunci asas mendapat pertolongan dan kurniaan Allah. Hal ini selaras dengan penjelasan al-Quran bahawa Allah berfirman:

dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya, Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu (al-Quran, Surah al-Tallaq 65:2-3)

PENGHAYATAN WASATIAH

Agama Islam adalah agama yang mengajar ummahnya hidup secara wasatiah ialah seimbangn dunia dan akhirat. Nabi Muhammad SAW mengajarnya ummat cara menunaikan setiap hak-haknya. Kehidupan seimbang ini menjadikan ummat Islam, ummat yang progresif, inovatif, berkehadapan dan mampu memimpin orang lain kepada kejayaan. Secara umumnya wasatiah itu melaksanakan suruhan dan menjauhi segala kemungkaran dengan hati yang ikhlas adalah wasatiah yang sebenar kerana agama Islam adalah agama yang memenuhi fitrah insaniah manusia pada setiap masa dan zaman. Allah berfirman:

maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertaqwalah kamu kepadaNya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik (al-Quran, surah al-Rum 30:30-31)

Lantaran itu, falsafah hidup seimbang dari segi amalan, pendirian dan penghayatan yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin, maka beliau terkenal dengan sifat kesederhanaan dan berpendirian wasatiyyah. Tuan Guru Haji Mohd Yassin merupakan seorang ilmuan yang sentiasa ingin membawa tahap pemikirannya ke arah menggerakkan misi sebagai pendakwah yang wasatiyyah. Beliau mempunyai harapan dan impian yang besar agar dapat menuntun anak-anak murid dan masyarakatnya patuh perintah Allah SWT seiring dengan apa yang telah diperintahkan di dalam al-Quran dan hadis dengan mengambil kira keadaan, keperluan dan situasi semasa.

Ramai di antara anak-anak murid beliau yang sentiasa konsisten bertalaqqi dan mempelajari kitab-kitab Tauhid dan Ibadah. Dengan cara bertalaqqi, mereka dapat mendalami, memperbetulkan dan memperkuat Ibadah mereka, sekaligus memurnikan pengetahuan yang kabur. Boleh dikatakan kebanyakan anak murid yang belajar dan bersemuka dengan Tuan Guru Haji Mohd Yassin secara tidak langsung akan menerima tempias sahsiah dan akhlak murni beliau. Begitu juga dengan pendekatan yang disampaikan oleh tuan guru tersebut menjadi ikutan dan terkesan di hati para pelajarnya (Musa Ahmad, 2015).

Terdapat ramai anak-anak muridnya terdiri dari orang-orang besar seperti hakim dan ketua polis daerah Muar. Beliau sanggup untuk bergerak sejauh 15 ke 20 batu setiap hari dari kampung ke kampung yang lain demi menyampaikan dakwah. Kemasyhuran ilmu yang disampaikan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin memberi kesan yang mendalam dalam mendidik manusia ke arah insan yang berjaya dari sudut duniawi dan ukhrawi. Ini dapat dibuktikan dari kejayaan anak-anak murid hasil didikannya seperti Tan Sri Mohamed Noah, Datuk Haji Mohd Noor, Tuan Guru Haji Azman Bin Azhari.

Usaha Haji Mohd Yassin dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah di Muar, mendapat pengiktirafan daripada Yang Mulia Ungku Omar bin Ungku Ahmad. Baginda turut mempunyai misi dan visi yang sama dalam memartabatkan pendidikan akademik dan agama. Melalui pengiktirafan tersebut, Haji Mohd Yassin ditauliahkan kebenaran untuk mengajar tanpa had dan sekatan di Negeri Johor agar beliau dapat terus berdakwah dan menyebarkan fahaman ilmu Islam kepada semua masyarakat.

Bagi menghargai jasa dan usaha yang telah ditaburkan oleh Haji Mohd Yassin, beliau telah mendapat penganugerahan Pingat Ibrahim Sultan (PIS) yang dikurniakan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni al-Marhum Sultan Abu Bakar. Anugerah Pingat Ibrahim Sultan merupakan satu penganugerahan khas yang mengiktiraf jasa cemerlang dan nilai integriti yang ditunjukkan oleh pembesar-pembesar negeri, pegawai kerajaan dan ahli siasah. Meskipun tidak mempunyai latar pendidikan formal, namun penganugerahan pingat ini kepada Haji Mohd Yassin merupakan satu pencapaian yang membanggakan kerana beliau bukanlah terdiri dari pegawai dari sektor kerajaan mahupun pembesar, tetapi kerana beliau telah memelihara maruah agama dan menjaga nama baik Negeri Johor.

Tuan Guru Haji Mohd Yassin tidak cuma terikat pada hal-hal akhirat sahaja. Beliau turut meraikan hal-hal berbentuk keduniaan dan menganggap ilmu akademik juga tidak kurang pentingnya berbanding ilmu akhirat. Beliau percaya jika masyarakat

mengambil berat kedua aliran ilmu ini, maka mereka dapat melahirkan generasi yang cemerlang dunia dan akhirat. Tuan Guru Haji Mohd Yassin memiliki pemikiran yang berbeza daripada orang lain pada masa dahulu. Beliau seorang yang berfikiran terbuka, tidak jumud, menerima arus kemodenan malah jauh dari sifat-sifat ekstrimis (Fadzillah, 2014). Menjelaskan perihal tersebut, Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga pernah membeli *Utusan Melayu*, iaitu sebuah akhbar tempatan yang menunjukkan bahawa beliau turut mengikuti perkembangan luar dari konteks keagamaan dan mementingkan pendidikan dan pengetahuan.

Tuan Guru Haji Mohd Yassin juga mempunyai hubungan baik dengan pemerintah dan sultan negeri semasa hayatnya serta mengambil berat perkembangan pentadbiran negeri. Beliau tidak membuat sebarang aktiviti dan mengeluarkan pemikiran yang menyusahkan pemerintah. Sebaliknya beliau membantu dari peringkat akar umbi bersama masyarakat dengan menjaga hubungan baik dengan semua lapisan masyarakat, tua dan muda kerana mereka adalah pemimpin masa depan negara dan agama. Tuan Guru Haji Mohd Yassin melihat penting hubungan yang baik berlaku antara rakyat dan pemerintah.

Pendirian beliau dalam hal ini, dipengaruhi oleh Imam al-Ghazzali. Imam al-Ghazzali berpendapat bahawa segala kebahagiaan dan kebaikan beragama tidak sempurna melainkan terurus hal ehwal keduniaan. Pengurusan keduniaan juga tidak sempurna melainkan dengan adanya pemerintah negara. Hal ini kerana pemerintah memegang dan menguruskan pentadbiran negara dan menguruskan segala keperluan dan masalah rakyat dengan ajaran agama. Dan kedudukan pemerintah dan agama adalah kembar yang tidak boleh dipisahkan. Hakikat kehidupan dunia ini tidak boleh ditinggalkan kerana dunia ini adalah jambatan kepada kebahagiaan akhirat (al-Ghazzali, 1996)

Hal ini selaras dengan firman Allah: Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan (al-Quran, surah al-Qasas 28:77)

Kejayaan bukan sahaja diukur dari cemerlangnya keputusan akademik atau tingginya tingkat pembelajaran ilmu, bahkan turut dinilai dari utuhnya benteng sahsiah yang dihiasi dengan akhlak dan peribadi yang baik. Untuk mencapai misi ini, Tuan Guru Haji Mohd Yassin mendalami secara kukuh pendekatan ulama Sufi terutama Imam al-Ghazzali, di mana intipatinya banyak menyeru kejayaan dan

kemajuan masyarakat sejagat. Inilah konsep pemikiran yang dipraktikkan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin menjadikan beliau sebagai seorang yang berfikir seimbang dan didorong oleh pemikiran tasawuf yang mengambil peluang untuk menggunakan dunia sebagai jambatan ke akhirat.

MANHAJ RABBANI ALIRAN AHLI SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Tuan Guru Haji Mohd Yassin amat menitikberatkan kefahaman Islam berasaskan aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Manhaj rabbani ialah manhaj berasaskan penyucian hati dalam pegangan akidah dan pengamalan shariah serta berakhlak mulia yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW serta perjalanan jumbuh para sahabat dan tabiin yang mulia. Kesemuanya berasaskan cinta kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Sebab itulah Tuan Guru Haji Mohd Yassin memberi penekanan kepada jalan Sufi yang bersifat produktif dan dinamik dengan masa dan keadaan kemajuan masyarakat. Pemikiran cintakan Allah sebagai asas kesempurnaan iman dan jalan dakwah Tuan Guru Haji Mohd Yassin turut dibentuk dan dipengaruhi kitab *al-Hikam*, antara kitab tasawuf terkenal yang sering ditekuni dan berjaya dikuasi oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin. Kitab ini digarap oleh Syaikh 'Ataillah al-Sakandari, merupakan seorang ahli sufi yang memperincikan isi kandungan kitab tersebut dengan didikan rohani terdiri daripada kata-kata mutiara ahli-ahli sufi terdahulu serta matan. Turut terkandung perbincangan mengenai ilmu tauhid dan bagaimana ia saling bersangkutan-paut dengan aqidah umat Islam. Kitab ini menjadi kegemaran Tuan Guru Haji Mohd Yassin kerana ia membuka mata hati mengenai jalan mengenal Allah dan mencari kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat dalam misi menyampaikan dakwahnya.

Penguasaan ilmu dari Kitab Hikam ini menjadikan Tuan Guru Haji Mohd Yassin sebagai seorang yang luar biasa pengetahuannya, kerana tidak ramai anak Melayu atau para ahli agama yang pada ketika itu mampu menguasai Kitab Hikam. Namun, keistimewaan yang diberikan oleh Allah menjadikan beliau terkenal dan disegani oleh anak-anak muridnya kerana berkemahiran dalam memahami dan menyampaikan ilmu dari kitab tersebut. Gabungan ilmu akidah dan tasawuf dalam memperkukuhkan tauhid dalam hati melalui membersihkan jiwa dan fikiran mamapu me bentuk shayksiah Muslim menjadi baik. Tuan guru haji Mohd Yassin memberi amalan kaedah kaedah asas seperti selawat, zikir dan doa kerana merupakan kaedah yang paling mudah untuk memebrsikah hati dengan cahaya hidayah dan makrifah Allah serta taat kepada malan agama islam (Musa Ahmad 2015).

Dalam fekah pula, Tuan Guru Haji Mohd Yassin memperkukuhkan kefahaman beribadah dalam Mazhab Imam Muhammad bin Idris al-Syafie al-Quraisyi al-Hasyimi (w. 819M/ 204H). Hal in kerana mazhab tersebut merupakan mazhab yang sederhana dan mudah diamalkan oleh masyarakat melayu. Tambahan pulan mazhab al-shafie adalah pegangan fekah kebanyakan para ulama Melayu Nusantara sejak beratus tahun dahulu sehinggalah sekarang. Mazhab al-Shafie pula mempunyai manhaj yang kukuh dan tersusun dalam menjelaskan pelbagai permasalahan ibadah masyarakat Melayu. Lagi pula, kebanyakan ulama dalam mazhab al-Shafie mengikut mazhab Abu Hasan al-Ashari dari segi pegangan akidah.

Dari segi tarbiah keruhanian, Tuan Guru Haji Mohd Yassin berpegangan kepada manhaj tarbiah Imam Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali al-Tusi (w.1111M/505H). Manhaj Imam al-Ghazzali merupakan manhaj yang komprehensif kerana tarbiah keruhaniannya disulami dan ditergasikan dengan pegangan akidah dan syariat secara serentak dan beriringan. Malahan imam al-Ghazzali pula seorang ulama intergasi ilmu dan sesuai dengan kelembutan masyarakat Islam di alam Melayu. Ketokohan dan kelimuan Imam al-Ghazzali pula adalah jelas kerana beliau pula dari segi aliran akidah bermazhab al-Ashari, fekah bermazhab shafie dan tasawuf bersyariat bersendikan Sunnah Nabi. Manhaj al-Ghazzali pula terbina daripada perjalanan keruhanian yang diperkenalkan oleh beberapa tokoh tasawuf yang kuat berpegangan dengan Sunnah Nabi SAW seperti Abu Talib al-Makki, Muhammad ibn ‘Ali (w 996/386H), Abd al-Karim ibn Huzan Abu al-Qasim al-Qushayri al-Naysaburi (w1072M/ 465H) dan Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Ali al-Hakim al-Tirmizi al-Hanafi (w 869M/255H).

Perdekatan Tuan Guru Haji Mohd Yassin berpegang dengan manhaj rabbani yang berpaksikan aliran ahl Sunnah wal-jama’ah merupakan pegangan yang benar dan menepati hadis Nabi SAW. Nabi SAW bersabda:

Sesungguhnya ummatku tidak berhimpun dan bersepakat dalam perkara kesesatan. Apabila kamu melihat banyak perselisihan faham dikalangan kamu. Maka berpeganglah kamu dengan sawad al-a’zam (al-Hakim, al-Mustadrak ^cala al-Sahihain)

Selain itu Nabi juga bersabda:

Ummatku akan berpecah sehingga wujud kepada tujuh puluh tiga golongan. Kesemuanya masuk neraka kecuali satu golongan sahaja. Nabi SAW ditanya, siapakah golongan yang berjaya itu. Baginda menjawab. Mereka yang berpegang dengan perjalanan sepertimana aku dan para sahabatku pegangi (al-Tirmidhi, Sunan Al-Tirmidhi).

Yang dimaksudkan dengan makna *sawad al-a'zam* dan pegangan perjalanan Nabi SAW dan para sahabatnya ini ialah jumbuh pegangan muslimin didalam dunia Islam sekarang seperti pegangan akidah mengikut mazhab Abu Hassan Ali Bin Ismail al-Ash'ari (w.935M/324H) dan Muhammad Abu Mansur al-Maturidi (w.944M/333H), pengamalan fekah mengikut pegangan empat mazhab muktabar iaitu Abu Hanifah Nu'man ibn Thabit (w.772M/80H), Malik ibn Anas (795M/179H), Muhammad bin Idris al-Syafie al-Quraisyi al-Hasyimi (w.819M/204H) dan Ahmad bin Muhammad Hanbal (w. 855M/241H) dan tasawuf dengan pegangan seperti Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali al-Tusi (w 1111M/ 505H) dan lain- lain.

PENDEKATAN INTEGRASI DAN KETERBUKAAN DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tuan Guru Mohd. Yassin seorang yang berfikiran terbuka masih menerima pendidikan dari sekolah Inggeris. Sikap keterbukaan Tuan guru menjadikan dirinya tidak bersikap jumud. Beliau lebih mudah untuk mendekati atau mendampingi pelbagai jenis ilmu.

Teknik pendekatan yang diaplikasikan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin dalam menyampaikan ilmu agama lebih kepada "*Theory and Practice*" atau "*Teori dan Amal*" yang bermaksud beliau mengamalkan apa yang disampaikan. Jika beliau menyatakan ilmu itu penting, maka beliauah yang terlebih dahulu menyiapkan tempat untuk menimba ilmu dan mempermudah kepada orang ramai untuk menuntut ilmu dengan menyediakan Madrasah As-Saadiah sebagai pusat menimba ilmu agama dan ilmu akademik di Jalan Bakri, Muar pada tahun 1935. Sekolah tersebut mengintegrasikan ilmu agama dan akademik seperti Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Sejarah, Ekonomi dan lain lain (Abd Latif, etl , 2012)

Disebabkan ketokohan Haji Mohd Yassin dalam ilmu dan shakhsiahnya, Sultan Johor dan Yang Dipertua Jabatan Agama Johor telah melantik beliau sebagai guru *takmir* iaitu guru agama yang mendapat kebenaran untuk mengajar ilmu agama di surau-surau dan masjid-masjid sekitar Muar dan menjadi ulama rujukan penduduk daerah Muar sepanjang hayatnya. Dalam menyeimbangkan kefahaman dan kepentingan ilmu agama di antara lelaki dan perempuan, beliau telah dilantik sebagai penceramah agama bagi guru-guru perempuan di Sekolah Perempuan Bandar Maharani, daerah Muar pada tahun 1931. Kesenambungan dari pelantikan tersebut, beliau telah mendapat pelbagai undangan dan jemputan untuk menyampaikan ilmu agama di sekolah-sekolah lain yang muridnya terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan (Abd Latif, etl, 2012).

Perwatakan hidup beliau tertumpu kepada misi dakwah dan cintakan masyarakat beliau cekal mengajak dan mendidik penduduk di sekelilingnya untuk mendalami ilmu agama dan mempelajari al-Quran dan beramal dengan ikhlas. Itulah di antara usaha yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin dalam usaha membina masyarakat yang berilmu pengetahuan.

KESIMPULAN

Pemikiran dan pendekatan Tuan guru Mohd Yassin adalah jelas bahawa beliau berpegang dengan Mazhab Ahli Sunah Wal Jama'ah. Dari segi akidah, beliau mengikuti Abu Hassan Ali Bin Ismail al-Ash'ari (w. 935M/ 324H), fekah pula mazhab Muhammad bin Idris al-Syafie al-Quraisyi al-Hasyimi (w.819M/204H).dan tasawwuf mengikut pemikiran dan tarbiyyah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazzali al-Tusi (w 1111M/ 505H). Beliau amat mengambil berat mengenai pendidikan agama dan kemajuan dalam bidang pendidikan serta menjaga hubungan baik antara masyarakat dan pemimpin negeri. Sikap wasatiah dan kesederhanan beliau dalam aspek amalan, pendidikan dan kepemimpinan masyarakat memperlihatkan kematangannya dalam mendidik masyarakat untuk berjaya di dunia dan akhirat. Sikap beliau yang tegas menyebarkan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah memperlihatkan bahawa beliau mempunyai perjuangan agama yang berprinsip dan berhikmah dalam menyeru kepada kebenaran, kebaikan dan menyatupadukan masyarakat dalam kerangka Ahli Sunnah wal Jamaah.

PENGHARGAAN: *Penyelidikan Biografi Tuan Haji Mohd Yassin Bin Muhammad.*
Kod Penyelidikan **USIM/YNV/FKP/30/41514**

RUJUKAN

- Abd Latif Juffri & Amad Bahri Mardi. (2012). Tuan Guru Haji Mohd Yassin tokoh ilmuan Islam cemerlang. Kuala Lumpur: ITBM.
- Al-Ajibah, Ahmad Bin Muhammad. (t.t). *Iqaz al-himam fi sharh al-hikam libn ata' al-sakandari*. T.p.: Dar Al-Fikr
- Abdul Samad Al-Falimbani. (t.t). *Siyar al-salikin (tareqah sadat al-sufiyyah)*. Terjemahan daripada kitab *lubab ihya ulum al-din*. Thailand: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad Al-Nahdi Wa Awladuhu
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. (2005). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Maktabah Dar Al-‘ilm al-Hadith.
- Al-Hakim, Muhammad B Abdullah. (1990). *Al-Mustadrak ‘ala al-sahihain*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘ilmiah.
- Al-Ghazzali, Muhammad B. Muhammad. (1996). *Ihya ulum al-din*. Beirut: Dar Al-Fikr.

- Al-Nabhani, Yusuf Bin Ismail. (t.t). *Afdal al-salawat 'ala sayyid al-sadat*. Misr: Al-Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- Sheikh Fadhil Banten-Penyebar Wirid Khaujakan Di Johor Utusan. Online: www.utusan.com.my/utusan/info 2004
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa. (1992). *Sunan al-Tirmidhi*. Istanbul: Dar al-Da'wah